



# **LAPORAN PROGRAM: KONVENYSEN MADANI: KE ARAH PENGHAYATAN DAN PEMBUDAYAAN NILAI DALAM ERA DIGITAL TAHUN 2024**

**29 Ogos 2024 (Khamis)**

**Movenpick Hotel and Convention Centre  
KLIA, Sepang, Selangor**

## KANDUNGAN

ATUR CARA PROGRAM.....	2
PENDAHULUAN .....	3
OBJEKTIF .....	3
KERJASAMA STRATEGIK .....	3
IMPLIKASI KEWANGAN .....	4
BUTIRAN PROGRAM.....	4
PENGISIAN PROGRAM .....	7
<b>POCKET TALK 1: PEMBANGUNAN NILAI MADANI MEMBENTUK MUSLIM YANG DISEGANI .....</b>	<b>7</b>
<b>OLEH: YBHG. DATUK DR. HARLINA HALIZAH BINTI SIRAJ, PENGASAS AKADEMI DR.HAR.</b>	
<b>POCKET TALK 2: MASYARAKAT MADANI DAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM ERA PASCA NORMAL (PNT).....</b>	<b>13</b>
<b>OLEH: YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD FAUZAN BIN HAJI NORDIN, KETUA KLUSTER KAJIAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM).</b>	
<b>BICARA MADANI: ISLAM SEBAGAI “ISLAH” DALAM MERREALISASI MALAYSIA MADANI</b> .....	<b>16</b>
<b>ANALISIS DATA - KAJIAN KEFAHAMAN PESERTA.....</b>	<b>22</b>
<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>26</b>
<b>KEKURANGAN .....</b>	<b>26</b>
<b>KELEBIHAN.....</b>	<b>26</b>
<b>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN .....</b>	<b>26</b>
<b>SENARAI JURULAPOR .....</b>	<b>27</b>

## ATUR CARA PROGRAM



# KE ARAH PENGHAYATAN & PEMBUDAYAAN NILAI DALAM ERA DIGITAL TAHUN 2024

كونفرينشن ملذني



### ATUR CARA PROGRAM

29 Ogos 2024

- 08:00 : Ketibaan para peserta dan pendaftaran.  
: Sarapan
- 08:45 : Bacaan ayat suci al-Quran
- 09:00 : **Pocket Talk 1: Pembangunan Nilai MADANI Membentuk Muslim Yang Disegani.**  
Oleh: YBhg. Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah binti Hj Siraj  
Mantan Pensyarah Fakulti Perubatan (UKM)  
Pengasas Akademi Dr. Har
- 10:00 : **Pocket Talk 2: Masyarakat MADANI dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Era Pasca Normal (PNT)**  
Oleh: YBhg. Prof. Dato' Dr Mohamad Fauzan Hj Noordin  
Ketua Kluster Kajian Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 11:00 : **Bicara MADANI: Islam sebagai "Islah" dalam Merealisasi Malaysia MADANI**  
Panel 1: YBhg. Prof. Madya Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat  
Timbalan Pengerusi Lajnah Tahqiq Hadith,  
Kementerian Dalam Negeri (KDN)  
Panel 2: YBhg. Dato' Ismail bin Yusop  
Timbalan Ketua Pengarah (Latihan),  
Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM)  
Moderator: YBrs. Ustaz Nabil bin Ahmad  
Pengurus Pematuhan Syariah  
Al-Hijrah Media Corporation

### MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PELANCARAN

- 12:15 : Ketibaan Dif-dif Jemputan dan Tetamu Kehormat
- 12:20 : Ketibaan YBhg Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff  
Ketua Pengarah JAKIM  
Ketibaan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naím bin Haji Mokhtar  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- 12:30 : Nyanyian Lagu Negaraku  
Bacaan Doa  
Ucapan Perasmian oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naím bin Haji Mokhtar,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)  
Pelancaran Buku Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Digital dan Modul Pembangunan Insan Madani  
Pelancaran Penerapan Gagasan Kalimah Tayyibah Dalam Hidup Berkeluarga, Bermasyarakat dan Bernegara
- 13:00 : Makan Tengah Hari dan Bersurai

## **PENDAHULUAN**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Konvensyen MADANI: Ke Arah Penghayatan Dan Pembudayaan Nilai Dalam Era Digital Tahun 2024. Kerjasama kedua-dua belah pihak ini dibuat atas peranan yang dimainkan oleh JAKIM yang amat signifikan dalam pembangunan dan pembudayaan nilai-nilai murni berlandaskan amalan serta prinsip Maqasid Syariah yang bersifat universal dan boleh diterima dalam pelbagai golongan masyarakat yang sinonim dengan konteks Malaysia MADANI.

## **OBJEKTIF**

Objektif penganjuran Konvensyen ini adalah sebahagian daripada usaha advokasi dalam memberikan penekanan kepada inisiatif pengukuhan nilai-nilai murni yang unggul dan adab dalam diri individu dan organisasi ke arah membangunkan perkhidmatan awam khususnya dan masyarakat amnya ke arah pembentukan Malaysia MADANI sejajar dengan arus perkembangan teknologi digital dan komunikasi pada masa ini.

## **KERJASAMA STRATEGIK**

Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana merupakan agensi pelaksana untuk menginstitusikan strategi, perancangan, penambahbaikan dan

pemantauan terperinci oleh kerajaan akan agenda utama nasional, iaitu Malaysia MADANI. Oleh itu, bagi merealisikan agenda MADANI ini, JAKIM telah mengadakan kerjasama strategik bersama PACU dengan melaksanakan Konvensyen ini bagi peringkat Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam).

Tujuan kerjasama strategik ini diadakan adalah untuk:

- i. memastikan semua perancangan dan pelaksanaan agenda Malaysia MADANI dilaksanakan dengan teratur dan berkesan; dan
- ii. memperkuuhkan kefahaman masyarakat tentang konsep Malaysia MADANI sebagai asas pembangunan negara bangsa selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

## **IMPLIKASI KEWANGAN**

Peruntukan sebanyak **RM105,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Ribu Sahaja)** telah dibelanjakan bagi menampung perbelanjaan keseluruhan program meliputi pakej sewaan dewan, kemudahan peralatan, makan, minum serta bayaran saguhati penceramah.

Keseluruhan kos bagi program ini adalah menggunakan peruntukan daripada Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri.

## **BUTIRAN PROGRAM**

Konvensyen ini merupakan salah satu program yang dirancang di bawah Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023-2027 dan

Pelan Strategik JAKIM 2019-2025. Di samping itu, Konvensyen ini juga merupakan rancangan di bawah Inisiatif Pembangunan Nilai MADANI, Teras 2: Pengukuhan Pembangunan Insan yang dilaporkan dalam Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang diurus setiakan oleh Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri.

Perincian pelaksanaan program yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

<b>Tarikh</b>	:	29 Ogos 2024 bersamaan 24 Safar 1446H (Khamis)
<b>Masa</b>	:	8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari
<b>Tempat</b>	:	Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Sepang, Selangor
<b>Bilangan Sasaran Peserta</b>	:	500 orang
<b>Bilangan Sebenar Peserta</b>	:	286 (secara fizikal) dan 101 (secara dalam talian)
<b>Kumpulan Sasaran</b>	:	Agensi di bawah YBM di JPM (HEA), Kementerian, Agensi di JPM, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Dua Al-Falah, NGO, Jabatan Pendidikan Negeri, Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Persatuan Karyawan dan <i>Digital Creative Content Creator</i> .
<b>Pelancaran</b>	:	1. Pelancaran awal ( <i>soft launch</i> ) Buku Garis Panduan Berunsur Islam Dalam Media Baharu; Perincian: Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu ini bertujuan memberikan panduan dan rujukan kepada pihak pempengaruh, pencipta kandungan, pendakwah, penggiat seni, pengkarya, pencipta aplikasi dan orang awam yang

	<p>terlibat dalam menentukan kesesuaian kandungan sesebuah bahan media baharu supaya tidak menyimpang daripada ajaran Islam berpandukan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.</p> <p>2. Pelancaran awal (<i>soft launch</i>) Modul Pembangunan Insan Madani;</p> <p>Perincian: Modul Pembangunan Insan Madani merupakan satu pendekatan komprehensif yang bertujuan untuk membentuk individu dan masyarakat khususnya penjawat awam yang seimbang dari segi spiritual, intelektual, fizikal dan sosial. Insan Madani merujuk kepada individu yang berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam dan menjunjung tinggi prinsip-prinsip keadilan, kesejahteraan dan kemanusiaan.</p> <p>3. Pelancaran awal (<i>soft launch</i>) Penerapan Gagasan Kalimah <i>Tayyibah</i> Dalam Hidup Berkeluarga Bermasyarakat dan Bernegara.</p> <p>Perincian: Gagasan Kalimah <i>Tayyibah</i> adalah sebagai usaha untuk mewujudkan masyarakat yang menghayati nilai-nilai Madani dan gagasan ini adalah untuk mengajak semua masyarakat untuk bermula dengan mengungkapkan ucapan yang baik. Nilai kalimah <i>Tayyibah</i> sangat mendalam dalam konteks Islam yang merujuk kepada “perkataan yang baik” atau “kalimah yang baik”. Penghayatan Kalimah <i>Tayyibah</i> merupakan asas utama yang diajarkan di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.</p>
<b>Perasmi</b>	: Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

## PENGISIAN PROGRAM

### POCKET TALK 1: PEMBANGUNAN NILAI MADANI MEMBENTUK MUSLIM YANG DISEGANI

OLEH: YBHG. DATUK DR. HARLINA HALIZAH BINTI SIRAJ,  
PENGASAS AKADEMI DR. HAR



#### ISI PENTING:

1. Nilai adalah sifat ketinggian atau satu bentuk piawaian yang menjadi rujukan untuk seseorang atau kelompok untuk membuat keputusan dan menentukan tingkah laku dalam satu keadaan dan situasi. Seterusnya, sistem nilai ini dipegang oleh seseorang itu untuk menentukan pilihan dan keutamaannya dalam khidupan seharian. Nilai juga satu cara untuk menentukan apa yang betul dan salah serta perkara tersebut penting ataupun tidak.
  
2. Etika adalah satu garis panduan tentang tingkah laku yang dikaitakan dengan "*moral conduct*". Etika dan nilai adalah perkara yang berbeza. Nilai berubah daripada individu ke individu. Etika membezakan yang salah dan benar manakala nilai menentukan apa yang kita mahu. Faktor yang mempengaruhi nilai adalah tradisi, budaya, norma dan etika, agama dan spiritual, undang undang, etika dan moral. Penentuan nilai sangat penting kerana ianya adalah kompas moral.
  
3. Madani bererti maju dari segi akhlak kebendaan dan sebahagianya serta kerangka dasar yang menjadi tonggak dan rukun yang menjadi Malaysia MADANI. Kemudian, nilai adalah sejagat dan kerangka MADANI adalah milik semua orang iaitu ianya menjadi nilai yang karamah untuk setiap insan.

4. Muslim yang disegani yang dimaksudkan merujuk kepada muslim yang mempunyai ciri-ciri 3R iaitu relevan di mana mereka sentiasa berbakti dari zaman ke zaman, dihormati dan disegani dan akhir sekali dirujuk . Di dalam sepotong hadis mengatakan siapakah muslim terhadap muslim lain? Seorang muslim dapat menjamin keselamatan dari gangguan lidah dan tangannya, elakkan dari caci maki dan perkataan yang boleh menguris hati kita. Islam akan dijaga oleh Allah SWT namun Allah SWT akan memilih orang yang akan menjaga agamanya; sebagai contoh orang Palestin yang bergantung kepada Allah SWT.
5. Manusia ini rapuh serta sukar difahami dan payah untuk membuat keputusan, jadi amatlah penting bagi manusia untuk mengharungi dunia '*brittle*', '*anxious*', '*nonlinear*' and '*incomprehensible*' (BANI) iaitu rapuh, resah, berliku dan sukar. Penyelesaian apabila kita rapuh kita perlu kepada keupayaan dan ketahanan. Jikalau resah, kita memerlukan simpati dan prihatin. Apabila kita resah, kita perlu konteks dan keubahsuaian. Akhir sekali, sukar memahami sesuatu kita perlu ketelusan dan gerak hati kita. BANI menjadikan kita manusia untuk sedar diri, sebagai contoh apabila kita rapuh dan sujud kepada Allah SWT kita dapat merasakan bahawa Allah Maha Berkuasa dan Maha Agung.
6. Prof. Ziauddin Sardar menyatakan bahawa zaman pasca normal ini tiada siapa yang boleh dipercayai kerana zaman ini mempunyai banyak ketidakpastian dan perubahan yang pantas. Dalam zaman pasca normal, ianya seperti kereta api yang mempunyai gerabak yang laju menuju ke mana dan tiada fakta yang pasti, tiada nilai dan risiko yang tinggi serta keputusan harus muktamad dengan kadar

segera. Umat islam ibarat buih, islamophobia menjadikan umat islam adalah sasaran.

7. Nilai MADANI yang ada dalam kerangka dijadikan sebagai kompas untuk mengemudi Malaysia. Nilai sejagat dalam kerangka dasar Malaysia Madani menjadi sebagai kompas moral kita, pelampung penyelamat dalam gelora dunia, dan sebagai cahaya penyuluhan. Bagaimana untuk membangun dapat dilihat dalam teori kitaran tamadun Ibn Khaldun di mana tahap awal iaitu mempunyai semangat kekitaan, kelahiran agama dan sifat yang tabah serta cekal. Kedua tahap kehidupan bertamadun iaitu peringkat tertinggi bila zaman sudah bercirikan bandar yang tetap dan tidak bernomad. Seterusnya, ianya berkitar ke tahap lemah iaitu berlaku kelekaan dan kesenangan yang di mana rasuah terjadi dan berleluasa dan hilangnya nilai-nilai murni.
8. Di peringkat terawal ianya adalah pengukuhan nilai murni, yang kedua adalah penghayatan nilai murni dan ketiga adalah kejatuhan nilai murni.Tamadun Islam berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Ijtihad ulamak serta ianya diangkat dengan konsep keimanan, kekuasaan dan konsep kemanusiaan dan asas nya mempunyai neraca Syariah , akidah dan akhlak.
9. Individu yang mampan iaitu individu yang sentiasa membuat keputusan dan melakukan tindakan hari ini dengan memikirkan impak dan kesan untuk masa hadapan serta memastikan generasi akan datang turut sama dapat menikmati dan merasai kemakmuran hari ini. Seterusnya, individu sejahtera merangkumi

lapan dimensi kesejahteraan iaitu sihat tubuh badan, mempunyai rohani, intelektual, sosial, kewangan, kerjaya dan alam persekitaran.

10. Kemudian, individu yang berdaya cipta iaitu individu yang mampu mencipta penyelesaian masalah dan jalan keluar kepada semua masalah yang berlaku di dalam hidupnya. Insan yang berkeyakinan dengan menerima dan membaiki kelemahan yang ada serta mempunyai usaha untuk memperbaiki diri sendiri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman yang dia miliki, bukan itu sahaja, individu tersebut berani mencuba dan berubah serta mempunyai semangat dan tawakkal yang tinggi terhadap Allah SWT.
11. Akhir sekali, Ihsan iaitu individu yang menyemai kasih sayang dan belas ihsan sesama manusia tidak kira peringkat umur dan agama, sentiasa rasa diawasi dan diperhatikan Allah SWT dalam setiap gerak hati dan perbuatannya dan ihsan sangat dekat dengan takwa kerana individu yang mempunyai ihsan memperjuangkan keadilan, mengutamakan integriti dan menentang kezaliman. Insan madani iaitu seorang insan yang sentiasa berusaha lebih baik untuk masa hadapan.
12. Kesimpulannya, perbincangan tajuk ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang pentingnya nilai Madani dalam membentuk individu dan masyarakat yang mampan serta sejahtera. Nilai-nilai ini bukan sahaja menjadi kompas moral untuk mengemudi kehidupan, tetapi juga sebagai panduan dalam menghadapi cabaran zaman yang serba tidak menentu.

13. Melalui penghayatan nilai-nilai murni, etika, dan konsep Madani, individu dapat berkembang menjadi insan yang berdaya cipta, sejahtera, dan penuh ihsan. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk terus memperkuat nilai-nilai ini dalam diri, demi memastikan masa depan yang lebih baik dan adil untuk semua.

## **POCKET TALK 2: MASYARAKAT MADANI DAN KECERDASAN**

### **BUATAN (AI) DALAM ERA PASCA NORMAL (PNT)**

**OLEH: YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD FAUZAN BIN HJ NORDIN**

**KETUA KLUSTER KAJIAN FAKULTI TEKNOLOGI**

**MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM).**



#### **ISI PENTING:**

1. Lebih RM1.33 juta – rakyat Malaysia telah ditipu oleh penipu melalui sosial media. Kerangka MADANI bertujuan membina tamadun, adab, nilai hormat dan keyakinan .
2. Sejarah pembinaan Negara Madinah membuktikan kejayaan dalam penyatuan masyarakat yang pelbagai.
3. Realiti kehidupan berteraskan kepada:
  - 3C - *Complex / Contradict / Chaotic*
  - 4S - *Speed* (kelajuan), *Scope* (skop), *Scale* (skala) dan *Simultaneity* (serentak)
4. Ulul albab adalah golongan yang memikir berpandukan Surah Aali Imraan: 191  
**الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**  
191

*Maksudnya: (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri, duduk, atau dalam keadaan berbaring, dan memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia. Mahasuci Engkau. Lindungilah kami dari azab neraka.*

5. Mengikut kajian, ibu yang semasa mengandung yang selalu menggunakan gajet, hasilnya anak bawah 7 tahun mengalami masalah bantut dan autism.
6. Kajian mendapati permainan game melalui gajet boleh membawa maut.
7. Penerimaan maklumat melalui 3 cara:
  - *Disinformation* - Maklumat yg salah penyebar tak tahu
  - *Misinformation* - Kekeliruan maklumat
  - *Mal-information* - Maklumat yang disalah tafsir
8. Sosial media dan AI dapat merapat timur dan barat, utara dan selatan dalam masa yang sama dapat merosak sistem nilai dalam kehidupan manusia.
9. Israel guna AI untuk membunuh Palestin.
10. Dalam membina kehebatan tamadun, jangan merosakkan manusia. Kita menuju kepada sejarah yang paling bahaya kepada manusia. Terlalu banyak impak media sosial dan AI.
11. Apa persediaan kita? Perlu buat sesuatu. Rakyat Malaysia menghabiskan 8 jam sehari untuk internet. Berita palsu tersebar 6x ganda lebih cepat daripada berita benar.
12. Dilema sosial: Kita telah beralih kepada manipulasi teknologi sehingga ke tahap ketagihan, bukan sekadar alat komunikasi. *Social media is a drug - Digital drug.*
13. *Super smart AI – post new time* – kerangka MADANI menjadi penyelesaian di Malaysia.
14. Data menunjukkan:
  - 33 juta penduduk malaysia – 44 pengguna sosial media
  - 8 jam perhari - rakyat Malaysia mengguna internet – majoriti menggunakan lebih kepada *whatsapp* dan *tiktok*.
  - Penyebaran berita palsu 6 kali ganda cepat berita benar

15. Keperluan atau gajet lebih penting daripada wang ringgit dan media sosial sebagai platform untuk memasarkan produk.
16. Panduan penggunaan media sosial di dalam mengaplikasikan gagasan MADANI – berpandukan Surah al-Hujuraat yang menunjukkan 17 nilai komunikasi:
  - Taqwa;
  - Jangan memandai-mandai;
  - Jangan angkat suara;
  - Jangan nyaring (lantang) bersuara;
  - Selidik (*Tabayyun*);
  - Damaikan (*fa ashlihu*);
  - Berlaku adil;
  - Jangan mencemuh;
  - Jangan mengaib;
  - Jangan mengejek;
  - Jangan syak wasangka;
  - Jangan mengintip;
  - Jangan menghina;
  - Jangan mengumpat;
  - Saling mengenal (*li ta'arafu*);
  - Jangan merasa diri banyak berbuat dan menyumbang; dan
  - Allah tahu segala rahsia dunia dan akhirat;
17. Falsafah ICT: *Data – Information – Knowledge – Wisdom.*
18. Penggunaan ICT/ AI adalah berdasarkan Surah Al-Alaq dan Al-Qalam.
19. Komponen ICT yang penting kepada manusia adalah melalui perkakasan hati/jiwa (*heartware*).

20. Perjalanan insan dan pembinaan karakter dan masyarakat melalui kerangka sains dan teknologi dapat melahirkan rasa syukur.

**Soalan Peserta:** Perancangan utk menangani keburukan ICT/AI, tiga mazhab/kumpulan manusia iaitu:

- menggunakan AI tanpa alasan;
- menolak AI dgn pelbagai alasan; dan
- menggunakan AI dgn berhati2.

**Jawapan:** Umat Islam perlu menguasai AI untuk menangkis pelbagai fahaman agama yang menyeleweng dan diwarnai dengan nilai-nilai Islam yang sebenar dengan penerapan nilai-nilai MADANI semasa menggunakannya secara bertanggungjawab.

## BICARA MADANI: ISLAM SEBAGAI “ISLAH” DALAM MEREALISASI MALAYSIA MADANI

Panel 1 : Prof. Madya Dr. Ahamad Asmadi Sakat  
Timbalan Pengurus Lajnah Tahqiq Hadith



Kementerian Dalam Negeri

Panel 2 : YBhg. Dato' Ismail bin Yusop  
Timbalan Ketua Pengarah (Latihan)  
Akademi Kenegaraan Malaysia



Moderator : Ustaz Nabil Ahmad  
Pengurus Pematuhan Syariah  
Al-Hijrah Media Corporation



**Soalan 1: Istilah “Islah” yang perlu difahamai berdasarkan kerangka MADANI pada hari ini, dan adakah ianya bersifat sementara atau proses yang berterusan?**

### Panel 1:

1. Islah berasal perkataan “*salaha*” bererti kebaikan, *islah* membawa erti pembaikan. Pemberian *soleh* dan pembuat penambahbaikan itu *musleh*. *Islah* itu reformasi dari tidak baik kepada baik yang ada dalam quran dan sunnah.
2. *Salaha* akhirnya kata terbitan *salah*, *salah* itu kebaikan. Dari segi syarak ianya sinonim kepada kebaikan taat kepada Allah SWT dan beriltizam dengan hukum-hukum Allah SWT.

**Soalan 2: Masyarakat awam “netizen” menggunakan dan mengaplikasikan dengan mudahnya menyebut agama seperti kaedah hadith dan quran yang diterjemahkan dengan lafaz sahaja dan bukan maksud yang mendasarinya.**

**Berdasarkan gagasan malaysia MADANI, kerangka yang dibina peranan besar dengan susunan dengan aktualisasi dan fungsional yang membawa kepada kebaikan. Melihat program Konvensyen pada harini, justeru akan ada unsur-unsur untuk digembleng antara usaha dan cita-cita. Bagaiman kaitan antara gagasan dengan kehendak semasa?**

**Panel 2:**

1. Konteks sekarang bukan bermula dengan PMX dan ianya cita-cita besar warga Malaysia. Merdeka untuk membina sebuah negara yang berdaulat, dan bertamadun, dan MADANI itu bertamadun tinggi.
2. Ia tidak berlaku secara kisah kebetulan, dan ia sudah ada perjalanan. Menurut Prof. Ziauddin Sardar, Post Normal Time (PNT) The extended present, yang normal itu sudah sampai ke penghujung dan mula zaman baru dan mendorong kita membuat keputusan. What is norm/ nilai yang boleh membantu masa hadapan? Kita tidak boleh meramal masa hadapan. Jika kita tidak melihat faktor masa hadapan ia akan menjadi merbahaya. Prof. Ziauddin Sardar juga menyatakan "*if we dont design our future then somebody will design for us.*" Jika kita memikirkan masa hadapan kita dan nanti ada faktor lain yang akan datang.
3. Dalam era digitalisasi, faktor dominon ialah liberalisasi maklumat iaitu domain media sosial yang sangat berpengaruh dan membentuk persepsi umum rakyat; dan faktor persekitran ini yang melakar masa hadapan.
4. Dalam konteks negara, kedudukan Malaysia berada dalam geopolitik yang sangat strategik. Lautan Cina Selatan kebangkitan kuasa besar China dan kebangkitan Asia Pasifik serta kebangkitan barat. Pertembungan ini, jika kita tiada kerangka yang jelas "*way forward*" akan membawa kepada penggugatan kedaulatan

negara dan mempengaruhi hala tuju negara dan bangsa. Islah itu merujuk soal seperti mana dalam Surah Hud (11) ayat 88.

5. MADANI ini datang bukan selepas PMX angkat sumpah. MADANI ini perjalanan “*journey of nation*” sudah datang sebelum itu dan soal ketamadunan maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan juga ada kaitan pembangunan masyarakat dan negara itu. Perkara penting yang perlu diangkat ialah *karamatul insan*. Cabaran yg boleh membina tamadun itu ialah orang yang bertamadun.

**Soalan 3: Kaedah hari ini tidak lari dari Maqasid Syariah, kerangka yang dibina perlu ada titik temu. Kerangka untuk menjadi Maqasid Syariah dan menjaga negara yang selari dinamika kepelbagaian fikiran dan agama, di mana dan bagaimanakah kita boleh memahami titik temu antara gagasan Malaysia MADANI dan syariat Islam.**

**Panel 1:**

1. Perbincangan dan perbahasan boleh dilakukan, namun pelaksanaannya agak sukar dilaksana kerana perlu melibatkan ramai pihak. Tujuan MADANI itu sendiri adalah Maqasid. Gagasan MADANI telah lama dihasilkan sebelum PMX dilantik.
2. Gagasan hari ini adalah untuk diperbaiki sahaja sebagaimana disebut dalam ilmu hadis (كيف نحسن): Bagaimana kita perlu perbaiki. Berdasarkan salah satu prinsip Maqasid iaitu *Hifz al-Din*. PMX meneruskan agenda-agenda yang lama kemudian di ‘islah’kan (baik kepada yang lebih baik).
3. Kajian-kajian yang dihasilkan oleh ahli akademik perlu dirunding semula oleh kerajaan supaya ada hasil dan nilainya. 5 elemen MADANI itu adalah Syariat tetapi tiada pelaksana. Contoh para sahabat yang buat kerja diktiraf oleh Allah

SWT. Nak jadi *khayru ummah* perlu penuhi syarat-syaratnya supaya gagasan yang dibawa oleh PMX dapat terlaksana.

4. Masyarakat MADANI perlu saling membantu. Islah itu perlu ada muslih yang ikut acuan Al-Quran. Tetapi masyarakat Islam dan bukan Islam hari ini bertelagah sedangkan Islam sangat menjaga hak-hak orang bukan Islam sehingga kepada *ateis* sekalipun.

**Soalan 4: Rangsangan yang dicetuskan secara “semangat” dan “keterikutan” dan ada benda baik yang perlu dipuji dan yang ditegah. Peranan untuk mengimbangi Maqasid Syariah. Bagaimanakah kerjasama dari semua pihak, untuk mengembangkan antara kehendak dunia dan akhirat?**

**Panel 2:**

1. Masalah negara pada hari ini ialah kecelaruan umat dalam mengangkat maqasid itu sendiri. Ada *kecelaruan, chaotic, complex and contradict*. Contoh seperti perdebatan yang melibatkan agamawan dan perkara ini menggusarkan, bagaimana perdebatan itu boleh buat secara terbuka, orang awam akan menilai yang mana satu betul. Dalam ledakan maklumat yang tidak terbatas menyebabkan masyarakat dalam dilema.
2. Dalam konteks Maqasid Syariah mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan kerangka MADANI. MADANI ini bukan selepas PMX angkat sumpah, MADANI dalam konteks PMX ini ialah perjalanan beliau dari zaman remaja, belia dan kerajaan dan reformasi dan sangat konsisten. Selepas mengangkat sumpah, PMX terus melancarkan manhaj MADANI pada 19 Januari 2022. MADANI bukan slogan PMX, MADANI ini ialah *journey of nation*.

3. Bila disebut tentang syariah itu ialah islah melakukan penambahbaikan yang radikal. Tidak menafikan usaha-usaha yang lepas, tetapi perlu terima hakikat bahawa kita sangat perlu kepada pembetulan dan penambahbaikan. *Pasca Normal Time* (PNT) membawa kecelaruan kerana kewujudan domain sosial media dan pelbagai realiti kehidupan manusia perlu hadapi.
4. Dalam konteks sekarang ini, pelaksanaan ini bukan PMX, JAKIM atau AKM sahaja. Usaha-usaha kita adalah kaitan yang sangat rapat dengan Perlembagaan negara yang telah memberi keabsahan bahawa setiap negara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas layak memilih kerajaan. Dan ini membimbangkan kerana tingkatan 3 sekarang ini hampir 1 juta dan mereka ini layak mengundi dalam tempoh 2 tahun akan datang.
5. Domain sosial media terlalu membentuk persepsi akan menghadapi *the post truth, the manipulated truth*. ancaman yang sangat besar kepada generasi-generasi anak akan datang ke arah menuju pembinaan bangsa dan negara. Bukan faktor kefahaman sejarah, hidup dalam kepelbagaian, mengapa perlu mengangkat kerangka madani yang mengangkat MADANI sebagai manhaj kepada negara yang bertamadun, tanggungjawab semua pihak yang namanya warganegara tidak kira latar belakang. MADANI ialah (*empowering the nation*) iaitu pemberdayaan negara dalam membina negara bangsa.

**Soalan 5: Kesimpulan sebagai dinamika dalam kehidupan manusia supaya berbalik kepada al-quran dan sunnah.**

**Panel 1:**

Nilai-nilai teras MADANI telah wujud dalam Islam dan perlu ditambahbaik. Output yang menggunakan metodologi para nabi (al-Quran dan Sunnah) akan terhasil masyarakat

yang diredhai Allah Taala. Teknologi hari ini dapat membantu agama dengan lebih baik.

1. Islam dapat tersebar di setiap tempat. Orang bukan Islam tertarik ingin memeluk Islam dengan melihat Muslim yang benar-benar dan berusaha memartabatkan Islam. Amal yang sedikit, pahala yang berpanjangan. Islam akan tersebar dengan pesona agama itu sendiri;
2. Kasih sayang di antara orang-orang baik. Umpama solat berjemaah;
3. Barakah dalam harta dan keturunan untuk menyambung silaturrahim;
4. Kemenangan yang ghaib. Teruskan berusaha keras dengan cara yang baik. Perbetulkan kerja, Allah SWT beri kemenangan; dan
5. Negara yang berdaulat. Orang bukan Islam akan berserah kepada Muslim. Agama Islam tidak akan pupus dan berterusan memberi manfaat. Allah SWT hilangkan ketakutan dalam diri.

**Panel 2:** Kesimpulannya, Allah SWT pilih kita untuk berada di sini untuk menjadi orang yang mendukung matlamat yang mendapat rahmat dari Allah SWT. MADANI ialah ketamadunan, untuk membina kota ialah “MAD” dan “ANI” itu ialah bina insan. Kalau itu kita dapat capai maka, matlamat negara untuk capai *rahmatan lil alamin* juga dapat dicapai.

## ANALISIS DATA - KAJIAN KEFAHAMAN PESERTA

Dapatan kajian ini diperolehi daripada hasil analisis yang diambil daripada Kajian Kefahaman Peserta dalam Konvensyen MADANI: Ke arah Penghayatan dan Pembudayaan Nilai Dalam Era Digital Tahun 2024. Responden kajian terdiri daripada enam puluh sembilan (69) respondan yang mewakili Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Kader-kader JAKIM di kementerian dan badan NGO yang datang dari pelbagai peringkat umur, jantina dan tahap pendidikan yang telah mengisi borang kajian.

Berikut merupakan dapatan kajian berkenaan pengetahuan dan kefahaman responden mengenai konsep asas nilai MADANI **SEBELUM** dan **SELEPAS** Konvensyen untuk diterapkan dalam kehidupan sebagai rakyat Malaysia:


Saya mengetahui Nilai Madani sangat penting untuk diterapkan di dalam kehidupan dalam masyarakat Malaysia.



raf 1.0


Graf 1.0 menunjukkan tahap pengetahuan responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai kepentingan Nilai MADANI untuk diterapkan dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Saya memahami kepentingan nilai-nilai madani dalam membantu membentuk Muslim yang mulia.




Graf 2.0 menunjukkan tahap pemahaman responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai kepentingan nilai-nilai MADANI dalam membantu membentuk Muslim yang mulia.

Saya memahami bahawa nilai sebagai seorang Muslim adalah diperlukan dalam membuat pertimbangan walaupun dengan kehadiran kecerdasan buatan (AI).




Graf 3.0 menunjukkan tahap pemahaman responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai keperluan nilai seorang Muslim dalam membuat pertimbangan walaupun dengan kehadiran kecerdasan buatan (AI).

Saya faham bahawa pembentukan masyarakat Madani mestilah berasaskan al-Quran dan Sunnah.




Graf 4.0 menunjukkan tahap pemahaman responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai pembentukan masyarakat MADANI berasaskan al-Quran dan Sunnah.

Saya tahu bahawa hormat-menghormati di antara satu sama lain adalah diperlukan dalam pembentukan masyarakat Malaysia yang harmoni.



Graf 4.0 menunjukkan tahap pengetahuan responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai kepentingan keperluan saling menghormati dalam pembentukan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Saya sedar Malaysia Madani boleh direalisasikan dengan memperkayakan nilai dan adab masyarakat Malaysia.



Graf 5.0 menunjukkan tahap kesedaran responden sebelum dan selepas Konvensyen mengenai ketinggian nilai dan adab mampu merealisasikan gagasan Malaysia MADANI.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, Konvensyen ini telah memberi kefahaman serta membuka ruang pemikiran khususnya kepada penjawat awam dan masyarakat amnya dalam memahami konteks nilai-nilai murni yang berlandaskan Maqasid Syariah untuk membina masyarakat MADANI yang berakhlak, sejajar dengan arus perkembangan teknologi digital pada masa ini.

## **KEKURANGAN**

- Kekangan masa dalam setiap slot pembentangan yang diperuntukan kepada penceramah-penceramah jemputan.
- Kaedah hebahan Konvensyen kepada para peserta perlu di pelbagaikan lagi dan diperluaskan kepada golongan sasaran dan masyarakat awam.

## **KELEBIHAN**

- Pengisian slot dalam Konvensyen ini sangat baik, padat dan bermanfaat.
- Konvensyen seperti ini perlu diteruskan lagi pada masa akan datang.
- Membantu peserta memahami dengan lebih mendalam lagi berkaitan Konsep Malaysia MADANI.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

- Tempoh masa bagi setiap slot program perlu ditambah dan disesuaikan mengikut pengisian sesuatu topik yang dibincangkan .

- Hebahan Konvensyen perlu dipromosikan dengan lebih awal dan diperbanyakkan melalui saluran media sosial dan media massa yang bersesuaian untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai peserta.

## **SENARAI JURULAPOR**

1. Puan Nurhayati binti Abdullah  
Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Kajian Al-Quran dan Al-Hadith  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM.
2. Puan Nor Shaidayani binti Samah  
Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Kajian Al-Quran dan Al-Hadith  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM.

### **Laporan disediakan oleh:**

Urus Setia  
Bahagian Maqasid Syariah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia